



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; ISTIQAMAH PASCA RAMADHAN



ISLAMIC SAVOUR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“ISTIQAMAH PASCA RAMADHAN”.1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ .	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk “ISTIQAMAH PASCA RAMADHAN”.	6



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita diberi kesempatan dan kelebihan oleh Allah SWT untuk beribadah di bulan Ramadhan yang penuh dengan keberkatan pada tahun ini. Mudah-mudahan kita berjaya mendapat redha dan keampunan daripada Allah SWT.	7
Ramadhan mengajar kita erti kesabaran dalam melaksanakan ibadah puasa sebagai tanda ketaatan, dalam menahan diri daripada perkara diharamkan serta menanggung lapar, dahaga dan rasa lemah.	8
Tetapi yang lebih penting untuk kita fikirkan ialah apakah kesabaran yang kita bina sepanjang Ramadhan ini akan terus dipelihara, atau ia turut berakhir dengan berlalunya Ramadhan? Hakikatnya, kesabaran selepas Ramadhan amat diperlukan agar kita terus taat tanpa paksaan, menjauhi maksiat tanpa pengawasan dan menerima ketentuan hidup tanpa keluhan. Ingatlah bahawa ganjaran bagi orang-orang yang sabar amatlah besar di sisi Allah SWT.	9
Firman Allah SWT dalam surah al-Zumar ayat 10: إِنَّمَا يُوفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ.	10



“Sesungguhnya hanya orang yang bersabar akan disempurnakan pahala mereka tanpa terkira banyaknya”.	11
Para ulama menjelaskan bahawa hakikat berpuasa bukan sekadar menahan diri daripada makan, minum dan segala perkara yang membatalkan puasa. Berpuasa juga bermaksud menahan seluruh anggota daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT seperti menjaga lisan daripada berkata dusta dan mengumpat, menjaga mata daripada melihat perkara yang haram serta menjaga hati daripada bersangka buruk.	12
Imam al-Ghazali dalam <i>Ihya' Ulum al-Din</i> telah membahagikan puasa kepada tiga peringkat. Peringkat tertinggi adalah puasa <i>khusus al-khusus</i> iaitu adalah menahan hati dan fikiran daripada perkara keduniaan dan menumpukan sepenuhnya hanya untuk Allah SWT.	13
Sesungguhnya hati yang sentiasa bertaut dengan Allah SWT akan terus taat kepada perintah dan menjauhi larangan-Nya. Ketaatan ini tidak terhenti dengan berakhirnya Ramadhan, bahkan berterusan sepanjang kehidupan menjadi seorang hamba. Hakikatnya, kegagalan untuk istiqamah selepas Ramadhan sering berlaku apabila Ramadhan hanya dianggap sekadar musim ibadah, bukan madrasah pembentukan taqwa yang berterusan.	14



Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Nabi SAW bersabda:

لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ فَرْحَةٌ عِنْدَ فِطْرِهِ وَفَرْحَةٌ عِنْدَ لِقَاءِ رَبِّهِ

15

“Bagi orang yang berpuasa itu dua kegembiraan: kegembiraan ketika berbuka dan kegembiraan ketika bertemu Tuhannya.”

(Riwayat Muslim).

16

Hadis ini merupakan khabar gembira daripada Rasulullah SAW kepada umatnya. Kegembiraan pertama ialah kegembiraan yang dirasakan oleh orang yang berpuasa ketika berbuka setelah menahan lapar dan dahaga kerana Allah SWT. Bahkan, kegembiraan itu terasa lebih besar dengan tibanya Eidulfitri setelah sebulan kita bermujahadah menunaikan ibadah puasa.

17

Namun hakikatnya masih ada kegembiraan yang jauh lebih agung menanti di hadapan, iaitu saat seorang hamba bertemu dengan Allah SWT dalam keadaan puasanya diterima dan amalannya diberkati.

Sesungguhnya kehidupan seorang Muslim selepas Ramadhan menuntut istiqamah dalam ketaatan kepada Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Apakah maknanya kita menahan lapar dan dahaga sepanjang Ramadan jika selepasnya kita kembali kepada tabiat lama tanpa mempedulikan dosa dan pahala?

18

Imam al-Ghazali dalam *Ihya' 'Ulum al-Din*, memberikan satu perumpamaan yang sangat mendalam:

19

فَمِثَالُ هَذَا الصَّائِمِ مِثَالُ مَنْ يَبْنِي قَصْرًا وَيَهْدِمُ مَصْرًا



<i>"Perumpamaan orang yang berpuasa sedemikian adalah seperti seseorang yang membina sebuah istana tetapi meruntuhkan sebuah kota."</i>	20
Oleh itu, istiqamah selepas Ramadhan menuntut agar seluruh anggota dipelihara daripada dosa. Hati sentiasa hidup dengan <i>zikrullah</i>, lidah dijaga daripada percakapan sia-sia, dusta dan mengumpat, manakala seluruh anggota badan dipelihara daripada perbuatan haram serta berhati-hati daripada perkara yang syubhah.	21
Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian: 1. Kita hendaklah meneruskan sifat sabar yang telah ditarbiah sepanjang Ramadhan untuk menghadapi kehidupan dunia yang hakikatnya merupakan medan ujian, penuh dengan pelbagai cabaran, dugaan dan godaan. 2. Kita hendaklah mengekalkan momentum ibadah agar tidak terhenti selepas Ramadhan, bahkan berterusan sepanjang tahun dengan memelihara segala kewajipan dan memperbanyakkan amalan sunat sebagai tanda ketakwaan kepada-Nya. 3. Kita hendaklah istiqamah dengan meninggalkan segala sikap dan tabiat lama yang tidak soleh, setelah kita bermujahadah sepanjang Ramadhan untuk menjadi hamba yang lebih taat kepada Allah SWT.	22
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ.	23



“Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata, “Tuhan kami ialah Allah”, kemudian mereka tetap teguh di jalan yang benar (dalam beragama), para Malaikat akan turun kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham), “Janganlah kamu bimbang (berlakunya perkara yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu bersedih. Terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.”

24

(Surah Fussilat: 30).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

25

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

26



KHUTBAH KEDUA

1	اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَنْزَلَ الشَّرِيْعَةَ هٰدِيًّۙ لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ.
2	. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.
3	اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.
4	اِنَّ اللّٰهَ وَمَلٰٓئِكَتُهٗ يُصَلُّوْنَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا. ¹
5	اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ اَجْمَعِيْنَ.
6	اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.
7	اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاجْعَلْ هٰذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

¹ Al-Ahzab: 56.



اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.	8
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،	10
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.	11
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..	13



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	15
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا ذُرِّيَّتَنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.²	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.³	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19

² Al-Baqarah: 201.

³ Al-Nahl: 90.



*Khutbah Jumaat 20 Mac 2026M / “Istiqamah Pasca Ramadhan”
Jabatan Agama Islam Selangor*